

DATE: 6/10/2010

Seperti sering dicetuskan oleh ekstremis dalam semua agama – PM

Islam bukan ancaman

UM - 6/10/2010

BRUSSELS 5 Okt. – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan masyarakat antarabangsa bahawa Islam bukan satu ancaman seperti yang sering dicetuskan oleh ekstremis dalam semua agama.

Beliau berkata, masyarakat antarabangsa perlu melihat Malaysia sebagai contoh jelas bagaimana rakyat dari pelbagai agama dapat hidup bersama secara harmoni.

Bercakap pada perbincangan meja bulat media yang dihadiri

pertubuhan media antarabangsa yang berpangkalan di sini, Najib berkata, konflik yang timbul bukan di antara agama tetapi antara ekstremis dan puak sederhana bagi semua agama.

“Islam tidak sepatutnya satu masalah asalkan wujud kesederhanaan dalam semua agama,” katanya.

Islam merupakan antara perkara yang dibangkitkan semasa sesi itu dan Najib ditanya berhubung cara Malaysia menangani persepsi terhadap agama di kalangan masyarakat Eropah di tengah-tengah perundingan perjanjian perdagangan bebas Eropah-Malaysia, yang akan dilancarkan di sini Selasa.

Najib berkata, adalah lebih baik jika masyarakat Eropah dapat menyertai dialog dengan negara-negara Islam sederhana seperti Malaysia.

Sambil menyatakan bahawa beliau tidak merestui tindakan golongan ekstremis, Najib berkata, usaha bagi menyelesaikan Islamophobia ialah mencari jalan penyelesaian jangka panjang kepada isu rakyat Palestin.

Katanya, nasib rakyat Palestin, yang telah dinafikan hak mereka, “menyentuh perasaan di kalangan dunia Islam.”

“Setengah orang berasa jika tiada lagi harapan, apa lagi yang ada untuk menyambung hidup,” katanya sambil menambah sebaik masalah rakyat Palestin diselesaikan, keganasan akan reda. – BERNAMA



ASIA-EUROPE MEETING



NAJIB Tun Razak bersalaman dengan Presiden Majlis Eropah (European Council), Herman Van Rompuy pada Sidang Kemuncak Asia-Eropah (Asem) Kelapan di Royal Palace, Brussels, Isnin lalu.